

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 (12)



**SURAT PEKELILING BENDAHARI
BILANGAN 11 TAHUN 2020**

**MENERIMA PAKAI PEKELILING
PERBENDAHARAAN MENGENAI PEROLEHAN
PERUNDING (PK 3)**

Pejabat Bendahari

18 Ogos 2020

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua PTJ/Dekan/Pengarah

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 (12)

18 Ogos 2020

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 11 TAHUN 2020 **MENERIMA PAKAI PEKELILING PERBENDAHARAAN MENGENAI** **PEROLEHAN PERUNDING (PK 3)**

1. TUJUAN

1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada staf berkaitan Menerima Pakai Pekeliling Perbendaharaan Mengenai Perolehan Perunding (PK 3) Universiti Malaysia Kelantan.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kertas Kerja Cadangan Menerima Pakai Pekeliling Perbendaharaan Mengenai Perolehan Perunding (PK 3) Dengan Pindaan ini telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bilangan 2 Tahun 2020 yang telah bersidang pada 2 Jun 2020 seterusnya diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti yang telah bersidang pada 28 Jun 2020.

3. PEROLEHAN PERUNDING DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

3.1 Definisi

3.1.1 Perolehan Kerajaan dibahagikan kepada 3 kategori seperti berikut:

3.1.1.1 Kerja

3.1.1.2 Bekalan

3.1.1.3 Perkhidmatan

- a. Perkhidmatan Perunding
- b. Perkhidmatan Bukan Perunding

3.1.2 Definisi perkhidmatan perunding dalam perolehan Kerajaan adalah perunding yang dilantik oleh sesebuah Agensi Kerajaan berdasarkan kepakaran dan pengalaman perunding tersebut bagi melaksanakan sesebuah projek pembangunan fizikal atau kajian Kerajaan dan turut memenuhi syarat-syarat berikut:

3.1.2.1 Perunding berdaftar dengan MOF dengan nombor pendaftaran 465-XXXXXXX; dan

3.1.2.2 Perunding berdaftar di bawah kod bidang 330000 atau 340000 atau kod bidang perkhidmatan perunding yang diluluskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

3.1.3 Perunding Fizikal adalah seperti berikut:

3.1.3.1 Arkitek, kejuruteraan awam dan struktur, kejuruteraan mekanikal dan elektrik, ukur bahan, perancang bandar dan desa, landskap, hiasan dalaman, akustik, alam sekitar dan lain-lain perkhidmatan teknikal yang berkaitan dengan kejuruteraan dan/atau projek pembinaan antaranya menyediakan reka bentuk terperinci, penyediaan dokumen tender dan lain-lain;

3.1.3.2 Kerja-kerja ukur tanah dan kerja ukur khusus seperti *hydrography, aerial photogrammetry, remote sensing* dan lain-lain;

3.1.3.3 Perkhidmatan penilaian fizikal seperti penilaian harta, audit & *assessment* dan lain-lain; dan

3.1.3.4 Kajian-kajian fizikal yang berkaitan dengan kerja-kerja kejuruteraan dan/atau projek pembinaan, antaranya kajian kemungkinan/kajian awalan kejuruteraan, kajian tebatan banjir/cerun, kajian rancangan

tempatan/struktur, kajian *Environmental Impact Assessment (EIA)* dan lain-lain.

3.1.4 Perunding Bukan Fizikal adalah seperti berikut:

3.1.4.1 Kajian kemungkinan, kajian ekonomi, kajian penswastaan dan kajian-kajian lain;

3.1.4.2 Kajian berkaitan pengurusan seperti pengurusan sumber manusia, kewangan dan perakaunan, percukaian, pengurusan kualiti, perundangan, kerja-kerja audit kewangan, kerja-kerja audit pengurusan, teknologi maklumat dan komunikasi serta bidang pengurusan lain; dan

3.1.4.3 Perkhidmatan perunding lain mengikut kategori yang diperlukann oleh Agensi dan ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

4. PIHAK BERKUASA MELULUS PERKHIDMATAN PERUNDING

4.1 Pihak Berkuasa Melulus (PBM) bagi Perolehan Perkhidmatan Perunding adalah sebagaimana Jadual 1 berikut:

PBM	HAD NILAI KUASA MELULUS PBM	
	SUMBER KERAJAAN PERSEKUTUAN SEPENUHNYA ATAU SEBAHAGIANNYA	SUMBER DALAMAN SEPENUHNYA
Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj)	Tiada	Kos kajian sehingga RM20,000.00
Jawatan-kuasa Sebut Harga Universiti (JKSU)	Tiada	Kos kajian melebihi RM20,000.00 sehingga RM500,000.00
Lembaga Perolehan Universiti	a. Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM300juta b. Kos kajian sehingga RM5juta c. Kos kerja ukur sehingga RM5juta	a. Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM300juta b. Kos kajian melebihi RM500,000.00 sehingga RM5juta c. Kos kerja ukur sehingga RM5juta
Kementerian Kewangan	a. Kos projek pembangunan fizikal melebihi RM300juta b. Kos kajian melebihi RM5juta c. Kos kerja ukur melebihi RM5juta	

5. PEKELILING-PEKELILING PERBENDAHARAAN BERKAITAN

5.1 Pekeliling-pekeliing Perbendaharaan mengenai Perolehan Perunding (PK 3) adalah terdiri daripada:

- 5.1.1 Perolehan Perunding Secara Am (PK 3.1)
- 5.1.2 Kos Perkhidmatan Perunding (PK 3.2)
- 5.1.3 Kriteria Penilaian Perunding (PK 3.3)
- 5.1.4 Dokumen Pelawaan Perunding (PK 3.4)
- 5.1.5 Kaedah Lantikan Terus Berserta Kos Siling (PK 3.5)
- 5.1.6 Kaedah Perolehan Secara Tender Terbuka (PK 3.6)
- 5.1.7 Kaedah Perolehan Secara Tender Terbuka Pra Kelayakan (PK 3.7)
- 5.1.8 Surat Setuju Terima dan Perjanjian Perunding (PK 3.8)
- 5.1.9 Pemantauan dan Penilaian Prestasi Perunding (PK 3.9)
- 5.1.10 Pentadbiran Kontrak Perunding (PK 3.10)

5.2 Semua Pekeliling Perbendaharaan mengenai Perolehan Perunding sebagaimana para 4.1 di atas boleh dicapai menggunakan pautan sebagaimana berikut <http://ppp.treasury.gov.my/>.

6. PEMAKAIAN


6.1 Surat pekeling ini adalah berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



JUNAIDAH BINTI BADAR

Bendahari

b.p: Naib Canselor